

31 MAY 2002

Fadzil-Islam (Bergambar)

PAS KEMUKAKAN CADANGAN MEMORANDUM NEGARA ISLAM

KOTA BAHARU, 31 Mei (Bernama) -- Presiden PAS Datuk Fadzil Noor hari ini mengumumkan tujuh prinsip utama yang akan terkandung dalam Memorandum Negara Islam cadangan parti itu yang dianggapnya model terbaik pemerintahan Islam bagi abad ke 21.

Beliau berkata prinsip-prinsip besar itu tidak diperincikan buat masa ini setakat hanya untuk difahami semua rakyat bahawa pemerintahan Islam adil kepada semua kaum dan agama.

Langkah pertama kali PAS itu bagi membolehkan pelbagai pihak di negara ini mendapat maklumat dan penjelasan mengenai kedudukan pemerintahan Islam PAS, katanya ketika berucap merasmikan Muktamar Tahunan PAS ke- 48 di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan, Pengkalan Chepa di sini.

Bercakap kepada pemberita kemudian Fadzil berkata: "Memorandum itu telah disiapkan, kita (PAS) hanya menunggu masa yang sesuai untuk diumumkan kepada rakyat."

Tindakan beliau menurutnya bagi memenuhi cabaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahun lepas supaya PAS mengemukakan model sebuah negara Islam mengikut acuan PAS.

Tujuh prinsip yang dinyatakan Fadzil ialah * Masyarakat Madani dan negara Hadhari; *Prinsip kesaksamaan (Al-Musaawah); * Kedaulatan undang-undang berdasarkan perundangan dan syariat Islam; * Pemerintahan berteras dan bermatlamatkan keadilan atau Al Adalah; * Pemerintahan yang mendukung prinsip As Solahiyah (Kelayakan) yang sebenarnya;* Negara berkeadilan; dan Sistem pemerintahan yang dinamik dan inovatif.

Beliau berkata masyarakat madani merupakan antara sifat utama yang mencirikan penghayatan pemerintahan Islam yang berdiri di atas syura, pemilihan dan demokrasi manakala negara hadhori menekankan pembinaan sebuah negara yang membina tamadun dan kemanusiaan atas paksi akhlak dan sistem nilai yang tinggi bertunjangkan sistem kepercayaan (Aqidatul Tauhid) yang benar.

Di bawah perkara Kedaulatan Undang-Undang berdasarkan Perundangan dan Syariat Islam, katanya negara dan pemerintahan yang dicita-citakan PAS adalah yang mendukung kedaulatan undang-undang selain melibatkan penyesuaian antara perundangan dan perlembagaan negara dengan meletakkan syariat Islam pada kedudukan tertinggi untuk umat Islam.

Di bawah pemerintahan berteraskan dan bermatlamatkan keadilan, Fadzil berkata ia akan merangkumi seluruh aspek kehidupan dan merentasi seluruh kaum, agama dan budaya termasuk memelihara keadilan sosial, keadilan agihan kekayaan dan peluang ekonomi, keadilan dalam berpolitik dan hak beragama.

"Kita harap memorandum mengenai pemerintahan Islam ini dapat dikeluarkan lebih awal supaya kita boleh mendapat maklumat balas daripada orang ramai termasuk komen dan kita boleh beri ulasan yang lebih lanjut," katanya.

Fadzil berkata PAS juga akan memberi penerangan kepada orang bukan Islam mengenai negara Islam PAS itu bagi menghilangkan kebimbangan dan ketakutan mereka.

"Saya tidak fikir dengan penjelasan itu PAS akan renggang dengan kaum-kaum lain...untuk hadapi pilihan raya kita akan keluar manifesto bersama yang diputuskan oleh BA (pakatan pembangkang) yang sudah tentu mengambikira semua pandangan," katanya.

Apabila ditanya adakah memorandum negara Islam itu bakal menghapuskan status dan hak istimewa Bumiputera, Fadzil berkata perkara itu tidak

berbangkit sekarang kerana PAS hanya ingin menjelaskan prinsip-prinsip utama yang terkandung dalam memorandum itu.

-- BERNAMA

BD RAR RON